

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

Pemulihian COVID-19

Hanya 187 pesakit dirawat

Jumlah kes pulih
96.4 peratus
50 kluster
diisythihar tutup

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kes jangkitan COVID-19 di negara ini semakin menunjukkan perkembangan positif apabila jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan virus itu hanya 187 kes dan pesakit berkenaan sudah diasing dan diberikan rawatan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata jumlah keseluruhan individu yang disahkan pulih daripada jangkitan COVID-19 dan dibenarkan pulang ialah 8,308 kes atau 96.4 peratus.

Beliau berkata, hingga jam 12 tengah hari semalam, pihaknya mengesahkan 10 kes baru jangkitan COVID-19, menjadikan jumlah kes positif adalah 8,616 kes, manakala 14 kes pulih dan dibenarkan pulang.

Katanya, empat daripada 10 kes baharu menerusi jangkitan di luar negara atau kes import, membabitkan seorang warganegara dan tiga warga asing yang juga pemastautin atau dibenarkan masuk ke Malaysia atas urusan kerja.

"Empat daripada enam kes penularan tempatan direkodkan di Kuala Lumpur daripada saringan pelajar tahfiz dan satu kes di Selangor berikutnya saringan prapembedahan."

"Kes jangkitan dalam negara

membabitkan warga asing pulak, masing-masing satu kes di Negeri Sembilan susulan saringan orang kena tuduh (OKT) yang baru dimasukkan ke lokap dan di Sabah selepas saringan di tempat kerja kontraktor," katanya dalam keadaan semalam.

Dr Noor Hisham berkata, setakat ini, dua kes positif COVID-19 dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan tiada kes yang memerlukan bantuan alat pernafasan.

"Adalah dimaklumkan tiada pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan hari ini (semalam), justeru jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia kekal 121 kes atau 1.4 peratus," katanya.

Beliau berkata, ada satu lagi kluster yang diisythihar tamat,

iaitu Kluster DTSI Putrajaya. Sebanyak dua kes direkodkan dalam kluster ini dan tiada kes kematian.

Secara keseluruhan terdapat 50 kluster diisythihar tutup, termasuk kluster ini.

Dr Noor Hisham berkata, perintah pengawasan dan pemerhatian dikuatkuasakan terhadap individu yang pulang dari luar negara mulai 10 Jun lalu bagi mengelak penularan COVID-19.

Beliau berkata, penguatkuasaan perundangan itu dibuat mengikut Seksyen 15(1) Akta Percegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Katanya, individu dikenakan perintah dikehendaki memakai gelang perintah pengawasan sepanjang tempoh perundangan

berkenaan dikenakan terhadap mereka.

Memasuki hari ke-13, Dr Noor Hisham berkata, individu terbabit perlu menjalani ujian serologi COVID-19 di klinik kesihatan atau klinik swasta yang diiktiraf Kementerian Kesihatan (KKM).

Keesokan harinya, beliau berkata, individu terbabit dikehendaki hadir ke Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) yang terdekat dengan satu salinan laporan ujian serologi untuk mendapatkan pelapasan daripada menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah.


"PKD kemudian akan menanggalkan gelang perintah pengawasan itu. Tindakan akan diambil terhadap mereka yang gagal mematuhi arahan ini.

"KKM menggesa individu yang pulang ke Malaysia terus memberi kerjasama kepada dalam memutuskan rantai penularan jangkitan COVID-19 dengan mematuhi garis panduan ditetapkan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, aktiviti surveyan COVID-19 dijalankan terhadap pengembala yang pulang dari luar negara dan memasuki Malaysia melalui pintu masuk antarabangsa.

"Ini termasuk rakyat Malaysia, pemastautin tetap dan juga mereka yang dibenarkan masuk atas urusan kerja. Sehingga 25 Jun 2020, seramai 61,576 orang pulang dari luar negara.

"Daripada jumlah itu, 610 kes atau satu peratus dikesan positif COVID-19," katanya.



Sempadan Malaysia-Singapura dibuka berperingkat

Kluang: Sempadan Malaysia-Singapura akan dibuka secara berperingkat, bergantung kepada isu keselamatan kesihatan di antara kedua-dua negara.

Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata kategori pertama dan kedua membabitkan sektor profesional adalah 25,000 rakyat Malaysia yang tinggal di negara itu dan tidak dapat pulang sejak lebih tiga bulan lalu.

Beliau berkata, kumpulan itu akan diberi keutamaan pada peringkat awal pengumuman dan penyelesaian rentas sempadan dua negara itu pada masa terdekat.

"Bagaimanapun, untuk kategori

ketiga dan empat, ia membabitkan jumlah antara 200,000 hingga 250,000 orang, iaitu mereka yang bekerja secara harian.

"Perkara yang perlu difikirkan adalah kemampuan membuat saringan kerana ia pasti memerlukan masa agak panjang," katanya pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Kit COVID-19 kepada Sekolah-Sekolah dalam Parlimen Sembong di Dewan Semarak, Felda Kahang Timur di sini, semalam.

Hishammuddin berkata, jika pelaksanaan pembukaan sempadan bagi tiga kategori itu berjalan lancar, kategori keempat membabitkan pembukaan sepenuhnya sempadan juga tidak akan meng-

hadapi masalah.

Dalam pada itu, Hishammuddin yang juga Ahli Parlimen Sembong, berkata beliau akan menghubungi rakan sejawat, Dr Vivian Balakrishnan, hari ini bagi perkembangan lanjut pembukaan sempadan kedua-dua kategori itu.

"Semua keputusan juga bergantung persetujuan pelbagai pihak termasuk kementerian kesihatan kedua-dua negara," katanya.

Hishammuddin berkata, Wisma Putra akan menghubungi rakan sejawat di enam negara bagi membincangkan pembukaan semula sempadan antarabangsa secara bersyarat untuk negara dikatakan hijau.

Beliau berkata, antara perkara

akan dibincangkan adalah mencari kaedah terbaik melaksanakan kerjasama itu dengan tidak mengabaikan prosedur operasi standard (SOP) dan keselamatan berkaitan pencegahan wabak itu.

Katanya, Brunei, Jepun, Indonesia, Korea Selatan, Singapura dan Vietnam akan dihubungi mendapatkan persetujuan mengenai laluan hijau bagi benarkan perjalanan antara negara bagi meningkatkan pelaburan serta pelancongan.

"Cadangan mewujudkan laluan hijau ini meletakkan negara berada mengikut landasan baik apabila mendapat sokongan positif daripada negara berkenaan.

"Bagi tujuan berkenaan, tump-

uan sepenuhnya untuk mendapatkan persetujuan daripada semua negara terbabit akan diusahakan supaya pelaksanaannya nanti membawa hasil terbaik untuk negara," katanya.

Hishammuddin berkata, setakat ini negara yang berbincang secara rasmi dengan pihaknya ialah Brunei, Vietnam dan Singapura.

Sementara itu di Kuala Lumpur, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata Malaysia dalam proses perbincangan dengan Singapura dan Brunei untuk mewujudkan 'laluan hijau' atau bubble green bagi memudahkan rakyat dari dua negara itu masuk tanpa sekat dan sebaliknya.

AKHBAR : HARIAN METRO**MUKA SURAT : 8A****RUANGAN : LOKAL**

10 kes baru

Kuala Lumpur: Sebanyak 10 kes baru jangkitan Covid-19 dilaporkan kepada Pusat Kesihensiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC), setakat 12 tengah hari semalam dengan 8,616 kes positif keseluruhan direkodkan.

– Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, 10 kes baru dilaporkan itu membabitkan empat kes import yang mendapat jangkitan di luar negara yang membabitkan seorang warganegara Malaysia dan tiga bukan warganegara yang juga pemastautin atau dibenarkan masuk ke Malaysia atas urusan kerja.

Beliau berkata, daripada enam kes penularan di dalam negara, empat kes adalah dalam kalangan warganegara dan dua kes dalam

kalangan bukan warganegara Malaysia.

“Terdapat 14 kes pulih dan dibenarkan discaj daripada hospital menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya daripada jangkitan Covid-19 terus meningkat kepada 8,308 kes dengan kadar kesembuhan 96.4 peratus.

“Sehubungan itu, kes akutif dengan kebolehjangkitan Covid-19 sebanyak 187 kes dan mereka sudah diasingkan serta diberi rawatan,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, tiada kematian berkaitan jangkitan Covid-19 dilaporkan semalam menjadikan jumlah kumulatif kes kematian adalah kekal 121 kes iaitu 1.40 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Kes aktif terus menurun kepada 187 kes

Jumlah kumulatif kes Covid-19 di Malaysia catat 8,616 kes sejak ini

Oleh ZUBIR SULAIMAN

SHAH ALAM

Sebanyak 10 kes baharu positif koronavirus (Covid-19) dilaporkan semalam menjadikan jumlah kumulatif kes meningkat kepada 8,616 kes.

Ketua Pengaroh Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, empat kes membabitkan kes import yang mendapat jangkitan di luar negara melibatkan seorang warga tempatan dan tiga bukan

warganegara yang merupakan pemastautin atau dibenarkan masuk ke Malaysia atas urusan kerja.

Menurutnya, daripada enam kes penularan di dalam negara, empat kes adalah dalam kalangan warganegara dan dua kes adalah bukan warganegara Malaysia.

"Jangkitan dalam negara yang melibatkan warga tempatan itu adalah dua satu kes iaitu saringan pra pembederahan di Selangor dan tiga kes daripada saringan pelajar tafhib di Kuala Lumpur.

"Bagi kes jangkitan bukan warganegara pula melibatkan dua kes masing-masing satu kes di Negeri Sembilan iaitu kes saringan orang kena tuduh (OKT) yang baru dimasukkan ke lokap dan satu kes saringan pekerja kontrak di Sabah," katanya dalam satu senyataan di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau ber-



DR NOOR HISHAM

kata, terdapat 14 kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj semalam menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya adalah 8,308 kes.

Katanya, jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 semalam terus menurun kepada 187 kes.

"Adalah dimaklumkan ba-

hawa tiada pertambahan kes kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan hari ini (semalam) menjadikan jumlah keseluruhan kematian kekal sebanyak 121 orang," katanya.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham memaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) meneruskan aktiviti surveilans Covid-19 terhadap mereka yang pulang dari luar negara dan memasuki Malaysia melalui pintu masuk antara bangsa termasuklah pemastautin tetap serta mereka yang dibenarkan masuk atas urusan kerja.

Menurutnya, sehingga 25 Jun 2020, seramai 61,576 individu telah pulang dari luar negara dan 610 daripadanya diketahui positif Covid-19.


"Bermula 10 Jun 2020, individu yang pulang dari luar negara perlu menjalani kuarantin di kediaman masing-masing dengan menjalani pengawasan

dan pemerhatian atau *Home Surveillance Order* (HSO) selama 14 hari berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh KKM.

"Mereka juga dikehendaki memakai Gelang Perintah Pengawasan sepanjang tempoh itu dan perlu menjalani ujian serologi Covid-19 di klinik kesihatan/klinik swasta yang diiktiraf oleh KKM pada hari ke-13 sebelum menyerahkan laporan ujian tersebut ke Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) yang terdekat keesokannya untuk mendapatkan perlepasan.

"Mereka yang gagal mematuhi arahan ini akan diambil tindakan dan KKM menyeru individu yang pulang ke Malaysia supaya terus memberi kerjasama kepada pihak KKM dalam memutuskan rantaian penularan jangkitan Covid-19 dengan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS / NATION

Only 1pc of returnees have Covid-19

KUALA LUMPUR: Only one per cent or 610 travellers returning from abroad have tested positive for Covid-19.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said up to June 25, 61,576 people had returned to Malaysia.

"Covid-19 surveillance has been carried out on travellers who came back to Malaysia from overseas.

"This includes Malaysians, permanent residents (PR) and those who are allowed to enter for work.

"Beginning June 10, those who returned to Malaysia are required to undergo a 14-day home quarantine. They will be monitored under the Home Surveillance Order.

"The monitoring is enforced under Section 15(1) of the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 (Act 342).

"Individuals are also required to wear a surveillance order bracelet throughout the quarantine period," he said yesterday.

On Day 13 of quarantine, they were required to undergo a Covid-19 serology test at registered clinics, including private clinics registered under the ministry.

On the last day (Day 14), they had to go to the district health office with a copy of the serology test result to be released from the order, he said.

He said 10 new cases had been reported up to noon yesterday, bringing the total infection to 8,616.

He said of the 10 cases, four were imported, involving one Malaysian. The three others were non-Malaysians who were residing in the country or had arrived here for business.

Of the six local transmissions, four patients were Malaysians and two were non-Malaysians, he said.

"There are 187 active Covid-19 infection cases. The local transmission among Malaysians was detected in one pre-surgery patient in Selangor and three tahfiz students in Kuala Lumpur.

"The two local transmissions among non-Malaysians involved a suspect detained in a lock-up in Negri Sembilan and another at a construction site in Sabah," he said.

Dr Noor Hisham said there were two cases in the Intensive Care Unit.

He said no deaths were recorded yesterday and the number of fatalities remained at 121, or 1.4 per cent.

Fourteen patients recovered and were discharged yesterday, with the cumulative number of recoveries standing at 8,308 cases, or 96.4 per cent.



Datuk Dr Noor Hisham Abdullah

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION

Covid-19: Current situation globally (As of 7pm June 27, 2020)											New cases	Total cases	Total deaths	Total recovered
Asean+	China	Indonesia	Singapore	Philippines	Japan	S. Korea	Thailand	Vietnam	Myanmar	Brunel	Cambodia	Laos		
Confirmed cases	83,483	52,812	43,246	34,803	18,197	12,653	3,162	353	293	141	139	19		
Deaths	4,634	2,720	26	1,236	969	282	58	0	6	3	0	0		
Recovered	78,444	21,909	36,825	9,430	16,392	11,317	3,053	330	215	138	129	19		
Global Top 10	US	Brazil	Russia	India	UK	Spain	Peru	Chile	Italy				Iran	
Confirmed cases	2,553,068	1,280,054	627,646	510,672	309,360	294,985	272,364	263,360	239,961				217,724	
Deaths	127,640	56,109	8,969	15,712	43,414	28,338	8,939	5,068	34,708				10,239	
Recovered	1,068,768	697,526	393,352	296,376	N/A	N/A	159,806	223,431	187,615				177,852	

It's back to double digits

Six local transmissions and four imported cases detected

PETALING JAYA: Malaysia recorded 10 new Covid-19 cases as of Saturday noon, bringing the total number of positive cases to 8,616.

In a statement yesterday, Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said of the new cases, four were imported, while six involved local transmissions.

Of the four imported cases, three involved permanent residents who were allowed to return on work-related matters.

Of the six local transmission cases, two involved non-citizens.

No deaths were recorded, with

the total number remaining at 121.

Dr Noor Hisham also said 14 patients had recovered and were discharged from hospitals, bringing the total number of recovered patients to 8,308 (96.4% of the total number of cases).

Meanwhile, the Health Ministry called upon those returning from abroad to give their full co-operation to break the chain of Covid-19 transmission in view of the four new imported cases confirmed as of yesterday.

Dr Noor Hisham said those returning from abroad include

Malaysians, permanent residents and those allowed entry on work-related matters.

Those returning from abroad must wear wristbands until they were declared to be Covid-19 free, after a second test on day 13 upon their return.

Until June 25, a total of 610 out of 61,576 of those who returned from abroad tested positive for Covid-19.

Since June 10, those returning from abroad were placed under the Home Surveillance Order for 14 days.

Of the four locals who tested pos-

itive, one was from Selangor (detected during pre-operation screening), and three involved tahfiz students in Kuala Lumpur.

Of the two non-citizens who were tested positive, one was recently tested positive in Negeri Sembilan, while another was a construction site worker in Sabah.

The ministry advised the public to continue avoiding crowded places and confined spaces, and refrain from speaking to each other at close proximity, adding that the people should observe social-distancing and hand hygiene diligently.